



مجلس
**SYARAHAN
PROFESOR**
PROFESOR DR. MOHD AFANDI MAT RANI
**PARAMETER SYARIAH DALAM
PENGAMBILAN TANAH WAKAF**
OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI BERDASARKAN
KERANGKA MAQASID SYARIAH DAN TADBIR URUS
21 Jun 2026 (1448 هـ) | 9:00 pagi
Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

EVOLUSI DEKAD
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MALAYSIA MADANI
UiTM
لوبيه بقوى ملل
UiTM Cawangan Kelantan

Professorial Lecture UiTM Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani

Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:02:07 : Bismillahirrahmanirrahim, Terima kasih kepada saudara Hanif selaku pengacara majlis. Yang berusaha Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi MARA, UiTM. Yang Berbahagia Datuk TS Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor keenam Universiti Teknologi MARA. Yang diraikan guru saya Yang berusaha Profesor Madya Dr. Siti Mashitoh Mahmood, pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, merangkap penyelia pengajian kedoktoran di Universiti Malaya.
- 1:02:58 : Yang berusaha Profesor Dr. S. Salahuddin Suyurno, Dekan Akademik Pengajian Islam Kontempori Universiti Teknologi MARA. Yang Amat Berusaha Encik Mohamad Zamri bin Ibrahim, Ketua jajahan Machang. Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Mohamad Nasir Ismail, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, merangkap pengerusi majlis syarahan profesor barisan pengurusan kanan UiTM Cawangan Kelantan, warga akademik universiti dalam dan luar negara, rakan-rakan industri, barisan tetamu, jemputan para pensyarah.
- 1:03:41 : Seterusnya, ibu saya... Puan Hajah Siti Faridah Mahmood dan juga ayahanda saya. Seterusnya isteri saya Dr. Nor Fadzilah Mohamad Yusof. Seterusnya enam putera saya dan seorang puteri saya. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Pertama dan selamanya izinkan saya sebelum memulakan pembentangan syarahan profesor saya, untuk saya memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh yang penting yang berada di hadapan saya.
- 1:04:30 : Pertama dan selamanya penghargaan paling utama saya tujukan kepada ibu tercinta saya. Puan Hajah Siti Faridah Mahmood dan juga arwah ayahanda saya Mat Rani bin Hamid dan juga ayahanda saya New Daddy yang ada pada hari ini. Saya minta bangun berdiri sekejap.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:05:08 : Okay, terima kasih atas doa yang tidak terputus, saya yakin kejayaan hari ini adalah kerana berkat doa mereka. Yang kedua, isteri tercinta saya, Dr. Nor Fadzilah Mohamad Yusof. Mohon berdiri. Terima kasih kerana sentiasa menjadi tulang belakang kepada perjalanan sumber kekuatan, penyabar dan pendorong paling setialah dalam setiap langkah kerjaya akademik saya sehingga ke tahap hari ini. Terima kasih kepada semua, tujuh-tujuh anak saya, minta berdiri semua.
- 1:05:47 : Saya berjaya mengumpulkan tujuh orang pagi ini. Betapa susahnyak nak mengumpulkan mereka ini. Enam putera dan satu puteri. Kenapa satu puteri Datuk Roziah? Sebab masa jumpa dengan Tan Sri Ibrahim Abu Shah dia kata, "Ustaz, selagi you tak dapat anak perempuan nonstop." So bila dapat anak perempuan, saya stop terus.
- 1:06:13 : Buat insan yang sangat saya tidak lupa dalam dunia akademik saya, mendidik saya tanpa penat dan lelah. Penyelia terhormat PhD saya, Profesor Madya Dr. Siti Mashitoh Mahmood, Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya. Boleh puan berdiri sikit. Saya selalu, orang kata antara kenapa saya tamat awal PhD saya selalu orang kata sebab penyelia saya cantik.
- 1:06:45 : Setinggi-tinggi penghargaan Yang Berbahagia kepada mentor dalam pentadbiran saya pada hari ini, Yang Berbahagia Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib atas kepimpinan kepercayaan dan sokongan padu yang diberikan sepanjang perkhidmatan saya di universiti keramat ini. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi dan semua TNC TNC, PNC, PNC dan semua barisan tertinggi UiTM. Terima kasih dekan kesayangan saya Profesor Dr. S. Salahuddin Suyurno atas sokongan dan dukungan jauh daripada Shah Alam datang.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:07:33 : Seterusnya penghargaan khusus buat mentor pentadbiran saya dulu, kini dan selama-lamanya, Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Hajah Roziah Mohd Janor. Terima kasih Datuk atas kepercayaan, nasihat, tunjuk ajar sehingga saya berada pada tahap ini. Thank you juga kepada mentor penyelidikan saya yang saya juga akan sebut di sini iaitu Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dr. Mohd Omar, mantan pengarah ARI yang membimbing saya dalam dunia penyelidikan.
- 1:08:01 : Akhir sekali penghargaan saya kepada semua rakan-rakan UiTM dan pengurusan tertinggi UiTM cawangan Kelantan, juga bahagian Hal Ehwal Akademik, Pentadbiran dan Korporat, dan sahabat saya di Fakulti Akademik Pengajian Islam Kontemporari, dan semua warga akademik UiTM dan non-akademik, para industri, rakan kerjasama, strategik serta seluruh warga dewan sekalian yang sudi memeriahkan Majlis Syarahan Profesor saya pada hari ini. Saya ada masa hanya setengah jam sahaja untuk membentangkan kajian ini dan sebahagian besarnya telah pun dibekalkan dengan buku parameter syariah dalam pengambilan tanah wakaf oleh pihak berkuasa negeri kerangka maqasid dan juga tadbir urus.
- 1:08:56 : Okay ini tajuk yang telah pun saya tambah baik daripada tesis PhD saya. Saya tamat PhD pada tahun 2008 dan saya rasa ada satu kekurangan yang perlu saya tambah baik dalam kajian ini ialah berkaitan dengan parameter. Semasa saya diberikan tajuk dan perbincangan dengan Dr. Mas, masa tu pada tahun 1997, saya tidak berkeyakinan sebenarnya untuk menyiapkan kajian ini sebab dia berkaitan dengan Akta Pengambilan Tanah 1960. Tetapi kekuatan saya pada waktu itu ialah habis orang pilih tajuk jumpa nak buat tajuk ni tapi orang kata siapa penyelia awak... Dr. Mas, "you can do it" itulah kekuatan saya pada waktu sebab waktu itulah Dr. Mas orang yang pertama dalam bidang kehartaan Islam berkaitan dengan pengurusan hartanah di Malaysia pada tahun 1997.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:10:13 : Okay, next. Okay, ada empat bab dalam buku ni yang akan saya jelaskan secara ringkas sahaja. Bab yang pertama ialah tentang teori pemilikan dan juga kuasa perlucutan hak. Perbandingan antara Islam dan juga perundangan tanah negara. Perundangan tanah negara yang saya akan fokuskan adalah kepada bahagian Akta Pengambilan Tanah 1960.
- 1:10:43 : Okay, isu yang ada dalam kajian ini ialah untuk melihat sejauh mana tanah wakaf versus kepada pembangunan dan banyak sebenarnya tanah-tanah wakaf yang berada di kawasan yang sangat strategik, yang berada di kawasan bandar, yang tanah-tanah ini juga terlibat dengan pembangunan. Kajian-kajian yang menunjukkan banyak tanah-tanah wakaf terlibat dengan lebuh raya Malaysia. Pembangunan ekonomi dan sebagainya. Maka konsep pembangunan yang ada pada hari ini dan juga tuntutan syariat dari sudut pengurusan harta wakaf itu sangat berbeza. okay, next.
- 1:11:25 : Okay, so bagaimana kita nak meraikan pembangunan yang ada pada hari ini dan pada masa yang sama dari sudut prinsip syariah yang berkaitan dengan tanah wakaf itu perlu dikekalkan. Dan kita tengok bagaimana sejarah berlaku kepada kerajaan Turki pada tahun 1924 apabila Kemal Atatürk berjaya menjatuhkan kerajaan Uthmaniah, pertama yang diubah ialah dibatalkan pendaftaran tanah wakaf yang menjadi kuasa ekonomi raksasa pada waktu itu. okay, next.
- 1:12:02 : Okay, so Akta Pengambilan Tanah 1960 ini diwujudkan begitu lama. Maka berbeza, perubahan konteks pengambilan tanah. Kalau dulu tanah kerajaan banyak. Waktu tahun 19, 1980-an. Apabila tahun 1980-an, saya ingat 1991, Dr. Mahathir, mantan Perdana Menteri Malaysia telah mengubah, menambah salah satu daripada elemen ataupun sorry, akta berkaitan dengan pengambilan tanah ini untuk tujuan pembangunan ekonomi, public purpose. okay. Jadi kini tanah-tanah strategik ini semakin kurang maka dia memerlukan kepada tanah-tanah dan apakah yang akan berlaku kepada tanah wakaf yang berada di kawasan bandar. okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:12:49 : Okay yang saya sebut tadi pada tahun 1991, impak besar kepada pengambilan tanah ialah kuasa pihak berkuasa negeri ataupun PBN dalam pengambilan tanah sangat luas daripada perkataan public purpose kepada perkataan ekonomi untuk pembangunan ekonomi. Jadi di situlah kalau kita tengok pemilik tanah ataupun Majlis Agama Islam menghadapi cabaran untuk tujuan pembangunan yang ada pada hari ini. okay next.
- 1:13:26 : Okay so waktu saya jumpa dengan Dr. Mas pada tahun 1997, bayangkan saya bidang saya adalah bidang fiq daripada Jordan. Saya tidak ada latar belakang undang-undang. Dan saya ingat pada waktu tu saya seorang sahaja yang daripada syariah biasa yang mengambil bidang undang-undang Dr. Mas pada waktu itu, yang sebenarnya tidak dibenarkan oleh ketua jabatan pada waktu itu. Tapi atas rayuan saya minta untuk minta masuk dalam bidang syariah undang-undang dan penyelia minta saya untuk mengkaji tentang 3(b) sahaja iaitu bagaimana kesan Akta Pengambilan Tanah 1960 kepada tanah wakaf akibat aktiviti ekonomi yang bermanfaat untuk negara. So di situlah kalau kita tengok cabaran syariah berlaku untuk mentafsirkan perkataan aktiviti ekonomi yang bermanfaat versus kepada Masalah amah ataupun kepentingan umum untuk harta wakaf. okay next.
- 1:14:35 : So kelemahan kalau kita tengok kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 ini risiko ialah apabila ditakrif sebagai tujuan awam untuk pengambilan dibuat oleh agensi swasta yang jelas memberi manfaat kepada pihak tertentu sekiranya berlaku. Bagaimana? Sebab kita kena ingat tahun 1980 Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan dasar penswastaan. okay next. Detail boleh baca dalam buku nanti ya. okay. Kelayakan pemohon dalam prinsip Islam kalau kita tengok pemohon, Islam memberi kelonggaran kepada pengambilan hak milik individu ini adalah kepada kerajaan. APT 1960 permohonan kepada “any person” menggunakan perkataan “any person” itulah yang kenapa kajian ini perlu dibuat dan perlu kepada satu parameter khusus untuk pengambilan berkaitan tanah wakaf. okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama : Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk : Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:15:32 : Okay, pembangunan berteraskan Islam ini perlu bersepadu moral dan juga keadilan. Bagaimana nak mencapai tafrith adalah itu ialah pembangunan ekonomi mesti berasaskan kepada moral dan keadilan, berasaskan kepada maqasid syariah untuk menjaga manfaat dunia dan akhirat. Dan yang keempat adalah hak milik yang tidak di boleh dikorbankan tanpa asas syarak iaitu asas tanah milik hak milik orang Islam. Apakah dia boleh dijadikan a tanah sebagaimana tanah-tanah biasa? okay, next.
- 1:16:11 : Okay, so di sinilah berlakunya fake versus undang-undang tanah. Isu utama bukan sekadar kuasa mengambil tanah tetapi sama ada kuasa itu selari dengan keadilan, masalah dan juga amanah wakaf. Maka di situlah hukum syarak melihat hak milik perlu dilindungi dan harus secara bersyarat. Akta 1990 Land Execution ACT 1960 itu, PBN diberi kuasa luas untuk pengambilan dan wakaf menjadi merupakan harta amanah. umat Islam dengan syarat-syariah yang sangat khusus. okay, next. okay, so prinsip asal wakaf yang dipelihara ini ada lima. Milik Allah, kekekalan aset, manfaat umat, niat pewakaf dan juga amanah nazir yang perlu dijaga. Dan jika pengambilan merosakkan prinsip ini, maka keharusan perlu ditolak atau digantung sehingga syarat dipenuhi. okay, next.
- 1:17:13 : So banyaklah kalau kita tengok fatwa-fatwa yang yang berlaku hari ini tahun 1999 dah ada tentang fatwa pengambilan tanah dan fatwa kebangsaan 1999 memfokus kepada empat area. Tidak boleh pindah milik, pampasan mesti diganti, dan wakaf khas perlu diganti mengikut nilai, dan yang keempat pembangunan tanah wakaf penyerahan untuk kemudahan awam perlu dikecualikan berkaitan dengan apa ni pencawang elektrik, berkaitan dengan jalan raya dan sebagainya. Okay, next. Kemudian fatwa-fatwa kerajaan negeri pun dah ada sebenarnya. Terengganu, Kedah, Melaka, Pulau Pinang, Kelantan, Johor dah ada. Dan ada pun saya melihat apabila dibuat kajian semula pada tahun ini terdapat beberapa fatwa dan kerajaan negeri ataupun fatwa negeri menunjukkan sikap berhati-hati terhadap pengambilan tanah wakaf terutama wakaf khas seperti masjid, surau dan juga kubur. okay, next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:18:17 : So kalau kita tengok yang banyak berlaku juga pengambilan ini melibatkan tanah, masjid, surau dan juga kubur. Ini saya tak nak sebut negeri-negeri yang terlibat, menjadi satu sensitiviti, mungkin dalam buku yang kedua akan dimasukkan. So fatwa negeri memberi penekanan khusus supaya tanah-tanah wakaf khas dielakkan diambil kecuali dan benar-benar tidak dapat dielakkan. itu terpaksa dalam keadaan darurat. okay, next.
- 1:18:48 : So, yang ini saya tengok agak-agak terkehadapan. enam tahun yang lalu fatwa Pulau Pinang melihat kepada satu model istibdal Kontemporari. Fatwa terkini memberi penegasan bahawa tanah mesti diganti dengan tanah sama ada lebih baik dari sudut nilai, garis keluasan dan juga manfaat. Maksudnya, tanah mesti diganti dengan tanah. Sebab apa? Proses istibdal adalah menukar tanah dengan tanah saja dan bukannya wang, kecuali dalam kes yang tidak dapat dielakkan. Itu kategori-kategori tanah yang mesti diganti. Dan untuk makluman semua, apabila tanah-tanah ini diganti dengan wang dan apabila berlaku kelewatan untuk menggantikan tanah tersebut, maka nilai tanah semakin tinggi, susut nilai ringgit itu semakin menurun. Maka itulah sebab kita tengok hampir sebahagian besar tanah-tanah wakaf kita tidak dapat diganti. okay, next. So, resolusi Majmak Al-Fiqh juga sangat baik kalau kita tengok di sini untuk kita lihat tahun 1988 advance kita punya Majmak Al-Fiqh itu melihat pelaburan bukan alasan yang mutlak. Investment perlu dilihat tanah yang diambil secara paksa untuk maslahat umum tidak boleh digunakan bagi tu pelaburan bagi pihak tertentu. Itu ketegasan daripada Majmak Al-Fiqh. okay, next.
- 1:20:12 : Isu kritikal yang perlu dilihat pelaksanaan projek komersial, apabila yang saya sebut sebelum ini zaman Rasulullah, zaman para sahabat lebih kepada pembesaran masjid dan jalan raya dan sebagainya. Tapi hari ini lebih kepada pembangunan ekonomi bersesuaian dengan dengan Akta Pengambilan Tanah B dalam kurungan E itu yang memfokuskan kepada aktiviti ekonomi.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- : So a perlu dilihat dari sudut yang awal pembangunan ekonomi, pelaksana daripada pemaju dan juga ahli korporat, kesan keuntungan berlegar di kalangan pihak tertentu, mafsadah kerosakan itu akan berlaku, aset wakaf akan hilang dan penama penerima akan terjejas. Contoh kalau kita boleh buat contoh di negeri-negeri maju sebahagian besar kalau kita tengok pembangunan itu melihat kepada perumahan komersial. Perumahan komersial itu yang juga melibatkan aset-aset wakaf yang perlu dilihat bagaimana pengurusan parameter syariah untuk menilai aa dari sudut kemanfaatan kepada golongan tertentu dan juga penerima wakaf. okay next.
- 1:21:26 : Okay, bab yang kedua, pengambilan tanah dalam dalam Islam versus APT 1960, keperluan kepada parameter syariah. Di sinilah kita kita perlu melihat dalam bab keharusan yang tidak mutlak itu perlu kepada satu kajian, satu penelitian yang sangat serius supaya dia tidak terkeluar daripada hukum, maqasid dan juga tadbir urus syariah. okay, next. Ini yang saya sebut tadi ya. Tidak ada isu dalam pengambilan tanah ini berlaku pada zaman. Sejarah membuktikan Masjid Nabawi. Tetapi yang menjadi isu hari ini ialah pembangunan moden yang membawa konteks baharu yang lebih kompleks yang saya sebut tadi ya. Apabila nak wujudkan pasaraya sebagai contoh mesti mengambil kira tanah-tanah yang strategik di kawasan bandar. perumahan awam walaupun nampak perumahan awam tapi dia bersifat komersial.
- 1:22:28 : Okay next. Jadi dalam Islam kalau kita tengok, Islam itu lebih advance sebenarnya ke hadapan dalam membincangkan tentang kontrak-kontrak itu. Al-uqud al-qahriah, al-lqrah bilhaq, al-lqrah al-Jaiz, al-Jabrul Halal, al-Jabrul Syarie. Semua ini telah dibincangkan dalam konteks nazak' al-Milkiyah. Eh nazulikia ini mengambil secara paksa ya, perluan hak khusus secara paksa untuk manfaat umum dengan paksaan yang adil. Jadi konsep Islam itu sudah ada. Makna dari sudut dari sudut kita kata perbincangan ulama itu sudah wujud ratusan tahun. Mana ulama sudah melihat terkehadapan bagaimana, walaupun melibatkan konsep tanah wakaf itu sendiri. okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:23:14 : Pengambilan tanah wakaf secara paksa juga berlaku. Yang saya sebut tadi dari sudut hukum asalnya telah pun dibincang. Pengecualian dari sudut hukum itu telah pun ada. Dalil amali pun zaman Rasulullah pun berlaku. Dan juga kaedah-kaedah fiq yang digunakan oleh para ulama. Cuma bagaimana kita nak adapt antara kaedah-kaedah fiqh dengan akta pengambilan tanah 1960. Saya masih ingat lagi ya. Bila saya nak minta MARA menaja saya untuk PhD, MARA kata program bukan keutamaan. Tapi bila saya kata saya nak tengok bagaimana kaedah-kaedah fiqh yang boleh kita tambah baik untuk Akta Pengambilan Tanah 1960, maka alhamdulillah tahun 1997 saya mendapat MARA meneruskan kajian saya PhD melihat kepada keperluan pada waktu itu. okay next.
- 1:24:13 : So keharusan tanpa mutlak ini suatu yang perlu di, saya sebut tadi perlu diteliti ya. Hukum asal mengambil harta orang lain adalah haram. Pengecualian hanya dibuka kepada masalah umum benar-benar wujud darurat atau hajat yang tidak boleh dielakkan. So keperluan kepada parameter syariah untuk menjaga kemaslahatan harta wakaf aset umat Islam pada hari ini. okay next. So ini prosedur asas pengambilan tanah dalam Islam mesti dibuat oleh pemerintah. Rundingan, pampasan yang mencukupi. Maknanya dalam Islam telah membicarakan tentang konsep pengambilan tanah itu sudah berlaku. Memastikan al-adalah itu kepada pihak kerajaan dan juga pihak pemilik tanah. Kalau saya pernah dulu mengumpulkan isu-isu berkaitan dengan pengambilan tanah daripada tahun 1991 sampai 2006 saya ingat setebal ini isu-isu pengambilan tanah yang melibatkan ketidakpuasan hati pemilik tanah terhadap isu keadilan. okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:25:21 : Pelanggaran apa ni? Hak milik adalah haram. Larangan asal hak milik individu dilindungi, pengecualian syarie masalah umum yang sebenar keperluan mendesak ataupun darak pampasan yang adil. Larangan asal melihat paksaan tanpa hak adalah satu yang zalim. Pengambilan tidak boleh dibuat sesuka hati. Ya. Makna macam mana kita nak balance tadi antara pembangunan ekonomi yang betul-betul dilihat mencapai matlamat masalah yang dimanfaatkan oleh semua pihak. okay, next. Okay, pandangan fuqaha memang jelas. semua mazhab mengiktiraf bahawa untuk keperluan umum untuk buat jalan raya dan sebagainya syarat utama a matlamat umum yang tidak bersifat komersial. okay next.
- 1:26:16 : Dan dua bentuk pengambilan hak milik kepentingan individu dan juga kepentingan umum. ini ada dua a dua keadaan dua bentuk pengambilan hak milik dan juga kepentingan umum. kepentingan individu. Contoh dalam Islam sudah ada konsep syufaah apa preemption dan juga penjualan harta orang berhutang dibolehkan campur tangan pemerintah untuk melihat hak pihak yang berhajat. contoh bila banjir tak ada makanan kerajaan boleh mengeluarkan arahan supaya mengambil hak milik individu untuk dia. Dari sudut kepentingan umum, masalah umum mengatasi masalah khusus contoh masjid dan sebagainya. Itu jelas dari sudut konsep dalam Islam. Okay, next.
- 1:27:02 : Okay, zaman Rasulullah, bagaimana Rasulullah membuat satu rundingan dengan Bani Najjar untuk tentukan harta tanah kebun untuk diambil untuk dibuat Masjid Nabawi. Okay, next. Khulafa ar-rasyidin pun sudah berlaku pada zaman Umar, zaman semua tapi khusus untuk pembesaran masjid. Okay, next. Dan ini antara banyak sebenarnya kaedah-kaedah fiqh, legal magazin yang digunakan untuk menjadi alasan yang kukuh bahawa Islam mengiktiraf pembangunan. Islam tidak menolak pembangunan tetapi Islam menolak kezaliman. Antaranya daruratul mahzurat dan beberapa kaedah-kaedah ini yang menjadi garis panduan kepada ahli fiqh dan juga sarjana akademik untuk menentukan sesuatu yang tidak ada disebut secara jelas di dalam Al-Quran dan juga hadis. Okay, next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:28:01 : Okay, peranan hakim kat sini bagaimana Islam memberikan hak kepada hakim untuk menentukan sejauh mana pengambilan itu boleh buat. Adakah manfaat yang benar-benar umum? Adakah manfaat dan mudarat dan juga mudarat melihat kepada dua keadaan. Tiada alternatif lain yang lebih ringan. Contohnya kalau kita tengok eh saya ingat lagi masa kajian saya dibuat, Dr. Mas minta saya pergi buat satu temubual dengan Profesor Madya Ridhwan Awang, ni orang Pasir Putih juga yang mengkaji tentang tanah. Agak sensitif ya bila saya sebut tapi saya rasa perlu sebut. Dia kata you cuba tengok macam mana jalan raya bila melibatkan kuil, bukan Islam.
- 1:28:53 : Itu saya pun terfikir dan you cuba tengok dia kata berapa banyak tanah-tanah masjid, surau itu perlu dipindah dan sebagainya. Dia kata untuk memenuhi keperluan lebuh raya dan sebagainya. Itu soalan dia. Dia kata you cuba tengok eh. Itu tuan-tuan boleh tengoklah sejauh mana sensitiviti kita umat Islam hari ini. Adakah tiada lain yang boleh diberikan? Adakah munasabah dan mencukupi dari aspek tanah, pampasan, award yang diberikan oleh pihak kerajaan? okay next.
- 1:29:31 : Ada masa lagi. Okay, pampasan Islam melihat juga tentang award ataupun pampasan itu lihat kepada nilai pasaran. pakar hartanah mesti ditentukan, rujukan kepada mahkamah dan juga bayaran mesti disegerakan sebab harta tidak boleh diambil selagi mana harga belum dibayar. Okay next. Dan masalah yang tidak menepati tidak boleh menjadi alasan untuk mengambil orang lain. Yang masalah yang bergantung pada lima masalah tadi. Agama, nyawa, akal, keturunan juga harta. Itulah penentuan, teras penentuan dalam konsep Islam berkaitan dengan masalah amah. Okay. Itulah penentuan teras penentuan dalam konsep Islam berkaitan dengan masalah amah. Okay. Masalah 'Ammah versus kepada Masalah Khassah. Masalah umum dengan masalah individu. Manfaat umum seperti jalan raya. Masalah khassah lebih kepada penerima wakaf.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:30:26 : Kalau aset itu berkaitan dengan aset wakaf, terutama wakaf khas yang hanya untuk keturunan ataupun individu tertentu yang mendapat manfaat ataupun keluarga tertentu sahaja. Itulah yang perlu dilihat juga dari sudut pentarjihan untuk lihat dari sudut mana yang lebih utama. Sebab ada tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan tanah dia panggil tanah famili wakaf. Wakaf famili juga terlibat. okay next.
- 1:30:54 : Syarat pengambilan tanah berdasarkan konsep Maslahah 'Ammah itu dilihat kepada enam konsep ini. Selari dengan maqasid, tidak bercanggah dengan nas qat'i, dilaksanakan oleh pemerintah, bukan pihak berkepentingan sendiri. Berlakunya hakikiah ataupun qath'iyah. Qath'iah itu makna diyakini sepenuhnya, bukan wahmiah. Sekadar sangkaan. Oh ini tanah ini sesuai ini untuk pembangunan hotel ni. Tengok-tengok ada tanah wakaf terlibat. Bila terlibat dengan hotel, tengok-tengok pemaju kata, "Oh apa ni tak sesuai dengan hotel ni. 10 tahun, 20 tahun akhirnya tanah itu terbengkalai. Apa berlaku kepada aset wakaf tersebut? itu isu dia. Bersifat umum, bukan monopoli kelompok tertentu. Tidak hilang masalah lebih besar. Mudarat tidak mengatasi manfaat. Itu konsep dalam Islam yang cantik kita tengok ialah mudarat tidak mengatasi manfaat dan pakar dan munasabah berdasarkan kepada kajian profesional perlu dibuat untuk menentukan sama ada boleh ataupun tidak berdasarkan kepada parameter syariah tadi. okay next.
- 1:32:03 : Okay ini isu yang saya sebut tadi ialah public purpose dan juga maslahah. Dua-dua ni konsep kita tengok hampir sama. Public purpose untuk tujuan umum. Maslahah juga untuk tujuan umum. Public purpose ditafsir oleh pihak berkuasa negeri. Maslahah 'Ammah mesti bersifat hakikiah qath'iyah. Tidak bercanggah dengan maqasid ditentukan mengikut kadar darurat dan juga hajat. Maknanya kalau kita tengok perkataan dalam Land Acquisition ACT 1960 itu, dia menggunakan istilah any person, sesiapa sahaja boleh untuk memohon tanah untuk keperluan jika memberi kesan kepada ekonomi negara.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:32:42 : So kedua-duanya kalau kita tak hampir sama itulah bagaimana kita nak menentukan dari sudut syariah. Okay next, masalah perlu disaring yang saya sebut tadi bagi orang syariah mungkin dah faham satunya masalah yang tidak bercanggah dengan iaitu muktabarah. Masalah yang sudah tentulah contohnya ambil tanah wakaf untuk buat hotel. Dalam hotel itu ada buat jualan arak dan sebagainya. Apakah itu masalah yang diiktiraf oleh syarak, contoh. Walaupun tak ada berlaku mulghah eh masalah yang tidak ditolak kerana bercanggah dengan dengan nas. Musalaf masalah yang tidak diperincikan oleh nas. Daruriat, hajiati, tahsiniat mengikut susunan. Kalau ikut fatwa dia kata daruriat berkaitan dengan lima tadi dan juga tahsil niat untuk kebaikan eh untuk hajiati keperluan tapi untuk tahsin niat keperluan untuk apa ni tidak mencukupi dia kata. Perlu kepada daruriyyat dan juga hajiyyat tahsiniyyat itu perlu dielakkan ataupun ditanggung amah arabiah khassah menentukan siapa yang boleh manfaat dan juga yang saya sebut tadi bersifat sama ada qatiyah, zaniyah, wahmiyyah menentukan tahap keyakinan manfaat sejauh manakah dia betul-betul memberi manfaat kepada negara, ekonomi dan juga masyarakat. okay, next.
- 1:34:11 : So, ini yang saya boleh conclude kan dalam menilai masalah. Itu masalah ni sukar, apa ni Datuk bila orang kata bila miskin sangat ni bolehkah kita jadi pelacur kan? Ha ini benda-benda yang sangat sensitif untuk kita melihat kalau bukan kepakaran bidang kita untuk menentukan keharusan sesuatu benda itu. Contohnya, kita sesat dah ni, Datuk kita kena makan babi dah ni Datuk, ni sesak dah ni. tak ada lain dah ni. Kalau makan sikit mari pun tak padan ni kan. Apakah waktu itu masalah itu dah tercapai untuk menjaga kita punya nyawa kita? Ha ini konsep-konsep yang Islam melihat yang jauh ke depan sebenarnya. okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:35:04 : Elak masalah wahmiah. Islam melihat sesuatu yang samar-samar. Macam kita kata, oh ini kawasan ni bagus yang saya sebut tadi untuk bina hotel, untuk bina pasaraya, untuk bina apa itu pembangunan-pembangunan yang nampak bersifat ekonomi tetapi mafsadah akhirnya akan datang. Sebab kita kena ingat bahawa dasar ekonomi kita kalau kita tengok 60% dikuasai oleh pelabur-pelabur asing dan lebih dikuasai oleh non-bumi dan sebagainya yang perlu dilihat bagaimana konsep mutayakqanah ataupun qadiah keyakinan itu memang betul-betul untuk pembangunan ekonomi. okay, next.
- 1:36:00 : Selain daripada masalah, Islam juga melihat kepada konsep dharurah. Pengambilan tanah tidak boleh dilihat dari sudut manfaat sahaja. Memudarat terhadap pemilik dan masyarakat juga perlu diberi keutamaan. Oh, nampak dari sudut pembangunan ekonomi sangat bagus. Contoh kalau kita tengok bagaimana PNB menilai konsep darurat dan masalah. Masa dia datang hari tu kat sinilah. Kalau semua para pensyarah ingat lagi, bila ada seorang tanya kenapa PNB meluluskan amanah saham bumiputera terhadap pusat komersial yang berkaitan dengan contohnya airport. Airport juga dinilai keharusan untuk dilabur oleh PNB. Antaranya jawapan dia kata masalah kerana airport merupakan pintu utama kepada ekonomi negara. Kalau kita nilai kepada kitab kuning, ah tengok ASB pergi melabur tempat-tempat yang bukan Islamik. Ada arak pun dia pergi labur. Bila kita keluar tu kita tengok, Allah, banyaknya arak jual kan. Eh tapi PNB kenapa? Ha itulah cantiknya konsep Islam itu menilai dari sudut masalahnya.
- 1:37:20 : Ini apa ni puan, Dr. Mas. Ilmu yang kita dapat belajar daripada almarhum Profesor Emeritus Dr. Mahmood Zuhdi, sumbangan besar dia kepada negara ialah Fiq Malizi. Fake Malaysia itu. Tuan Guru Dr. Mas juga tuan guru saya. Mudah-mudahan Allah memberi pahala yang berpanjangan kepada Profesor Emeritus Dr. Mahmood Zuhdi yang telah membuka luas dalam pemikiran fiqhud daulah ini.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- : Saya selalu sebut dalam kelas, saya masih ingat lagi. You jadi tok imam, you jadi mufti, you kena beza. You jadi perdana menteri, dia kata fiqhul daulah itu perlu dibuka. Kita pun takut dengar. Allah macam mana nak melabur dalam tempat-tempat yang haram tapi Datuk Mahmood Zuhdi kata boleh kan? Dan ingat pada waktu ramai juga di kalangan mufti yang confuse bila ASB diperkenalkan sama ada dia harus ataupun haram. okay next.
- 1:38:29 : Asas keharusan darurat dan maslahat itu, Ibnu Tamiyah jelas melihat kepada keperluan ada hajat, masalah rajiahah, manfaat lebih kuat dan jelas dan tidak sewenang-wenangnya. Terutama melibatkan tanah masjid, kubur dan sebagainya. Okay, next. Method pentarjihah masalah dan juga mafsadah. Macam mana kita nak tengok antara yang baik dengan yang buruk ini, memberi manfaat ataupun tidak? Dilihat kepada lima ini. Qat'iah diutamakan atas aa masalah mauhumah yang kurang diyakini. Masalah keutamaan daripada masalah khassah, masalah individu. Manfaat lebih besar. Contoh, saya masih ingat lagi apabila di satu negeri dia nak ambil tanah wakaf orang anak yatim, nak ditukar kepada projek komersial yang akan diseru.
- 1:39:31 : Saya tak pasti kes ini selesai ataupun tidak, saman di mahkamah. Dan waktu itu saya lihat pemilik dia mengatakan bahawa ini tanah wakaf yang satu pihak lagi melihat oh kalau kita buat pelaburan keuntungan lebih besar lagi. Bukan hanya anak yatim di satu negeri sahaja boleh dibantu. Mungkin 10 negeri boleh bantu melalui konsep pelaburan aset wakaf yang bermanfaat. Itu kalau kita tengok kesan buruk dan kesan besar dan kepentingan kepada rakyat, diutamakan atas kelompok tertentu mesti ditolak. tu yang yang Islam melihat kebimbangan, supaya harta itu tidak berlegar di kalangan orang kaya.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:40:16 : Okay next. Empat aspek sebelum pengambilan. Keperluan mendesak perlu dilihat. Implikasi kepada wakaf. Alternatif lain. Pandangan autoriti. Ini empat perkara yang yang kita boleh dilihat wakaf perlu dibuktikan. Okay next. okay kerangka parameter syariah. Selepas saya ingat tahun 1997, selepas tamat tesis saya dengan PM Dr. Masitah, saya melihat perlu ada satu keperluan lagi untuk tambah dalam tesis saya. Kalau saya nak buat PhD satu lagi boleh saya rasa Dr. Mas, tajuk parameter untuk melihat parameter ni tapi nak pencen tu. Bulan ni dah nak pencen, sedih saya bila duk bagi tahu tadi dia kata bulan tujuh ni dah saya nak pencen. Tapi wajah Dr. 1997 dengan 2026 sama saya rasa. Saya rasa saya pula rasa teruk eh. Okay. Ya. Jadi kerangka parameter syariah itu perlu melihat kepada enam ini. Kategori wakaf perlu dilihat. Keizinan autoriti, masalah rajihah, jelas, manfaat, darurat, hajat, tiada keperluan lain, istibdal, ganti tanah ataupun aset, nilai setara ataupun lebih baik. Itu enam kerangka parameter. Okay, next.
- 1:41:46 : Okay, bab ketiga. Konflik perundangan sivil dan juga syariah. Ha ini yang agak sukar untuk kita melihat. Saya masih ingat lagi Dr. Mas, saya dulu masa balik daripada Jordan saya jadi agak ekstrem. Datuk dalam dalam kelas. Kenapa akta kata macam ni? Kenapa saya belajar syariah macam ini? Saya ingat lagi Profesor Dr. Suhaib Tapah, you cakap banyak jadi ahli parlimen, you duk mengajar masjid tak jadi apa pun, you kena jadi ahli parlimen ubahlah apa akta tu, cakap banyak tak ada guna. Itulah er selalu waktu-waktu muda kita bila tengok kenapa akta kita tidak dipinda apa kerja ahli parlimen nasib baik apa YB kita datang hari ini ya okay next.
- 1:42:46 : Hak dan obligasi MAIN, mempertahankan aset wakaf melestarikan melaksanakan istibdal, menutup pampasan keadilan, melapor dan juga memantau. ini pemegang tunggal harta amanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri. Tidak boleh kita kata dah kerajaan nak kita bagi jelah kan. Kalau kita buat interview adakah perlu tanah ini diambil oleh kerajaan? perlulah sebab kerajaan nak. Kalau dia jawab macam tu makna sensitiviti itu kurang. Tapi saya yakin semua majlis-majlis agama Islam kita sangat berhati-hati untuk melepaskan tanah aset wakaf ini.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- : Okay next. Cadangan pindaan, rujukan wajib kepada MAIN. Ha rujukan MAIN sebab PBN mentafsir tujuan awam secara unilateral. Cadangan syariah wajib kepada MAIN semakan masalah status wakaf. Selaras dengan KTN 1965 Seksyen 4. MAIN tidak mempunyai kuasa dalam prosedur APT. Sudah semestinyalah sebab akta kita dibuat di peringkat parlimen yang tidak melihat kepada pandangan mufti tu sebagai satu yang binding yang mengikat. okay next.
- 1:44:05 : Perundangan, perundingan pra pengambilan tanah perlu berlaku. Keputusan fatwa perlu dilihat, kajian pakar, rundingan dengan MAIN. Ini susulan kepada kita nak bina parameter itu. Perlu jelas bahawa keputusan pengambilan tanah tidak menjadi proses paksaan semata-mata. Rujukan majlis fatwa negeri. Mengapa fatwa, output daripada tadbir urus? Sebab kajian itu melihat kepada tadbir urus. Menilai darurat, menentukan status tanah wakaf, keputusan boleh diaudit. dan PBN mempunyai asas lebih kukuh main dilindungi daripada persepsi negatif. Kita tak nak orang kata habis dah tanah-tanah wakaf dijadikan aset apa ni kerajaan apa ni federal. habis dah kerajaan negeri ambil tanah wakaf dan sebagainya. okay next.
- 1:45:03 : Okay ini isu-isu utama yang perlu dilihat dalam Akta Pengambilan Tanah 1990 dan realiti semasa yang berlaku hari ini. okay next. Satu ialah reserve kurniaan dan wakaf irsad. Banyak sebenarnya tanah-tanah wakaf irsad ataupun tanah kurnia yang amat berusaha di machang tahulah banyak tanah-tanah kurnia kita bila diminta untuk buat masjid okay dia kata ambillah ini untuk tujuan umum tak ada masalah tapi tidak "dititlekan" sebagai status wakaf, apabila berlaku pengambilan maka berputih matalah majlis agama Islam. Dan ini realiti yang berlaku di satu negeri apabila kerajaan nak bina apa lebuhraya, berpuluh-puluh masjid-masjid yang statusnya adalah wakaf Irsad dan juga wakaf kurnia di atas tanah reserve yang tidak didaftarkan dengan Majlis Agama Islam. Dan saya ingat lagi pada waktu tu bila jumpa mufti-mufti kata. salah kitalah juga. Dia kata bukan salah LLM. LLM dia kata dia mengambil berdasarkan kepada akta kitalah tak daftar dia kata. So lepas ni kena daftar semua dia kata tanah-tanah reserve yang melibatkan suar masjid dan sebagainya. Eh saya rasa lama bila nak angkat setengah jam ni? Lambat lagi nak habis dah 5 minit lagi. Okay. Okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:46:28 : Kelemahan prosedur pampasan pun perlu kita lihat juga sebab kalau kita tengok dalam banyak-banyak kes pengambilan itu, isu pampasan juga berlaku. Okay, next. Pengambilan segera tanpa bayaran pampasan. Ini pun kebimbangan kita apabila pengambilan segera berlaku. Pampasan apa ni, bukan pampasan makna declaration untuk pengambilan tanah itu berlaku dan kesan kepada MAIN istibdal lambat, nilai tanah berubah dan sebagainya. Okay next, seksyen 4 Akta 19 pengambilan tahun 1960 notis awal dan pembuktian hak milik. Ini yang perlu kita lihat juga apabila pembukuan hak milik berlaku maka semua tanah-tanah itu tidak boleh dibangunkan kerana telah “dizoningkan” sebagai tanah pembangunan. Okay next, pengusahawan pasan ini juga menjadi satu isu utama sebenarnya. Wang pampasan tidak boleh digunakan selain daripada untuk istibdal tanah wakaf untuk diganti. Dia tidak boleh digunakan untuk sebarang pelaburan sebenarnya. Bila dibuat pelaburan dia akan merugikan dan lain-lain. okay next.
- 1:47:36 : Istibdal bukan alat untuk pengambilan tanah. Risiko jika longgar. apa berlaku longgar. Penyelewengan aset amanat umat Islam berlaku, pelanggaran, prinsip kekal wakaf, wang pampasan disimpan tanpa aset ganti. Ya. Ha ini yang perlu kita lihat dalam konteks nampak mudah dan saya sangat respect dalam kitab Imam Hanafi menyebut tentang sebarang pengambilan ataupun hak milik mesti tidak boleh diganti dengan wang. Raddul Mukhtar. Kitab Raddul Mukhtar menyebut mana kitab ni dah 100 tahun lebih dah menyebut dia kata al-ardun, tanah mesti diganti dengan tanah. Ardun biardin. Tengok. Maknanya ulama terdahulu dia kata kebimbangan kalau berlaku dalam bentuk pampasan akan berlaku doyyiq. Kehilangan aset tersebut. Memanglah kalau kita tengok eh tanah kalau kita tengok harga dia 100,000 seekar. Ada UiTM terus jadi 300,000 bukan ada, sebelum nak ada harga tanah itu sudah berubah. Maknanya pengambilan berlaku dan penggantian itu berlaku mesti disegerakan, okay next.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- 1:49:00 : Istibdal mekanisma utama mengekalkan hasil wakaf, ini yang yang wajib berlaku melalui kaedah jual dan beli, tukar ganti dengan tanah lain dan sebagainya. Okay, next. Datuk apa ni, Prof TNC kita perlu berangkat ke airport kerana flight awal. Terima kasih Prof TNC walaupun dalam keadaan sibuk macam mana pun hadir juga dalam majlis kita. Okay next. Sorry sebelum tu. Okay. Penggantian tanah dengan tanah ataupun dengan wang. Ini isu yang banyak dibahaskan oleh para ulama terutama mazhab Hanafi berkaitan dengan sejauh manakah dibolehkan wang pampasan itu diterima dan realiti hanya ialah lebih utama apabila ganti tersedia. Maksudnya apa? Tanah wakaf mesti diganti dengan tanah juga. okay next. Mungkin PBN, pihak berkuasa negeri boleh tengok balik beberapa alternatif yang ada dalam seksyen 15 Akta Pengambilan Tanah yang perlu dibincang dengan pihak-pihak pemilik tanah. Okay, next.
- 1:50:14 : Okay, takwid bilqar, tanah diganti dengan tanah yang sebut tadi. Mengapa tanah perlu diganti? Dan cabaran semasa hari ini ialah semua orang akan tahu bahawa nak ganti, nak mencari tanah itu bukan sesuatu yang mudah. Okay, next, yang terakhir ialah bab empat. Macam mana kita daripada semua yang kita bincang tadi untuk membentuk satu parameter yang boleh membantu pihak berkuasa negeri untuk mengambil tanah-tanah wakaf ini. Okay, next. Prinsip utama urus tadbir jelas, akauntabiliti syariah perlu dilihat. Ketulusan keadilan, penyertaan institusi wakaf, pencegahan mafsadah. Perlu dilihat lima prinsip utama ini. Okay, next.
- 1:50:59 : Proses tadbir urus yang dicadangkan, 10 parameter syariah perlu diterjemah dalam proses keputusan yang jelas sebelum, semasa dan selepas pengambilan tanah. Saringan awal, kajian masalah, keputusan main, pampasan, audit pasca pengambilan perlu dilakukan. Okay, next. Dan terakhir, 10 parameter syariah pengambilan tanah wakaf oleh pihak berkuasa negeri yang kita perlu lihat berdasarkan kepada konsep masalah, mafsadah, darurat dan sebagainya yang kita bincang dalam bab yang tiga tadi bab yang terakhir menyentuh 10 parameter syariah inilah yang perlu dilihat oleh pihak berkuasa negeri dan semua pihak.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan

21 Jun 2026 (Ahad), Jam 9.00 pagi

Nama Profesor Dr. Mohd Afandi Mat Rani
Tajuk Parameter Syariah Dalam Pengambilan Tanah Wakaf
Jangka masa : 2 jam 36 minit

Transkrip:

- : Dan saya ingat aa parameter ini boleh diaplikasikan juga kepada tanah-tanah lain yang juga bukan tanah wakaf untuk mengelak daripada kelemahan, kecederaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1990 dan memberi persepsi yang positif kepada kerajaan dalam menterjemah Akta Pengambilan Tanah B iaitu aktiviti pembangunan ekonomi, dan juga public purpose. Jadi detail berkaitan dengan parameter ini boleh lihat dalam buku saya.
- 1:52:24 : Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya takut kepada big boss yang telah pun berdiri. So saya memberi peluang seterusnya kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk membaca buku ini dan mudah-mudahan dia memberi manfaat kepada semua. Terima kasih lagi kepada semua. Terima kasih kepada penyelia saya. Terima kasih kepada mentor-mentor saya. Terima kasih kepada ibu, anak-anak, isteri saya dan semua warga kampus UiTM Kelantan dan semua UiTM seluruhnya. Sekian. Wabillah taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.